

## PENGARUH AMALAN KEIBUBAPAAN TERHADAP PENGHARGAAN KENDIRI PELAJAR PERINGKAT AWAL DEWASA

**Azlina Mohd Kosnin**  
**Saniah Sayuti**  
Jabatan Asas Sosial

**Dr. Azizah bt. Rajab**  
[azizah@utm.my](mailto:azizah@utm.my)  
**Wan Zarina bt. Wan Zakaria**  
[m-wanzar@utm.my](mailto:m-wanzar@utm.my)  
Jabatan Bahasa Moden

### *Abstrak.*

Soal selidik telah digunakan dalam mengkaji pengaruh amalan keibubapaan terhadap penghargaan sendiri pelajar awal dewasa. Dapatan kajian menunjukkan majoriti pelajar peringkat awal dewasa mempunyai persepsi bahawa ibu bapa ataupun penjaga utama mempunyai tahap penglibatan yang tinggi dan bersifat sederhana dalam pemberian autonomi. Manakala tahap ketegasan dan penyediaan ibu bapa pula menghasilkan keputusan sederhana. Kajian juga menunjukkan kebanyakan pelajar peringkat awal dewasa mempunyai tahap penghargaan sendiri yang sederhana di mana tiada perbezaan signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan.

### PENGENALAN

Salah satu aspek yang dikatakan penting bagi perkembangan insan yang sihat adalah dari aspek kendirinya. Bagi membolehkan seseorang berkembang secara sihat, dia perlulah mempunyai konsep yang positif terhadap dirinya. Konsep sendiri yang positif wujud apabila seseorang itu mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi. Dalam erti kata lain, penghargaan sendiri (*self-esteem*) merupakan antara prasyarat seseorang itu dapat berkembang secara sihat sama ada daripada aspek fizikal mahupun emosi.

Penghargaan sendiri adalah penilaian tentang harga diri ataupun kebaikan diri (Coopersmith, 1967). Penghargaan sendiri yang tinggi atau sihat bermaksud seseorang itu dapat mengenal dan menerima dirinya dengan segala keterbatasannya dan kemungkinan juga menjadikan keterbatasan diri sebagai asas untuk berkembang (Berne & Savary, 1985). Apabila wujud penilaian yang baik tentang diri, seseorang itu akan berasa selesa 'menjadi dirinya', maka timbullah sifat-sifat positif yang lain seperti gembira, yakin diri, berani mencuba sesuatu yang baru, tidak mudah putus asa, mudah menyesuaikan diri (Philipchalk, 1995) dan sifat-sifat lain yang penting bagi perkembangan yang sihat dan kejayaan dalam hidup.

Kajian-kajian terdahulu yang mengkaji perkaitan antara penghargaan sendiri dengan pencapaian akademik memperolehi keputusan yang menunjukkan hubungan positif antara kedua-dua pembolehubah ini (Newbegin, 1966 dan Leondari, *et.al.*, 1998) Secara umumnya, pelajar yang mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi biasanya memperolehi pencapaian akademik yang lebih cemerlang berbanding pelajar yang mempunyai penghargaan sendiri yang rendah. Antara faktor yang menyebabkan berlakunya fenomena ini ialah disebabkan perbezaan ciri-ciri individu yang mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi berbanding dengan mereka yang mempunyai penghargaan sendiri yang rendah.

Menurut White (1997), pelajar yang selesa dengan dirinya berupaya belajar dengan lebih mudah dan cekap. Mereka juga boleh menyimpan maklumat dengan lebih lama. Dapatan kajian Leondari *et.al.* (1998) pula menunjukkan pelajar yang mempunyai penilaian positif terhadap dirinya lebih bermotivasi dan lebih tekun dalam melakukan sesuatu tugas. Newbegin (1996) dalam kajiannya mendapati pelajar yang penghargaan kendirinya tinggi mempunyai tahap kebimbangan yang rendah terhadap pencapaian akademiknya. Kajian ini merumuskan bahawa semakin tinggi tahap kebimbangan, semakin rendah pencapaian akademik seseorang dan sebaliknya.

Terdapat juga kajian yang menjurus kepada aspek-aspek yang berkaitan dengan penilaian yang negatif ataupun rendah mengenai diri. Kajian mendapati kanak-kanak yang menghadapi kesukaran membaca mempunyai tahap penghargaan sendiri yang rendah (Axinn *et.al.*, 1998). Penghargaan sendiri yang rendah sering juga dikaitkan dengan kemurungan (Rice, 1998), penglibatan dengan rakan sebaya yang nakal di kalangan remaja (Brendgen & Vitaro, 1998) dan penglibatan dalam tingkahlaku delikuen itu sendiri (Jang & Thornberry, 1998).

Walaupun terdapat banyak bukti menunjukkan perkaitan antara penghargaan sendiri dengan aspek-aspek perbezaan individu, perlu ditekankan bahawa adalah sukar bagi kajian-kajian seperti ini menentukan arah hubungannya. Adakah penghargaan sendiri menyebabkan perbezaan itu ataupun perbezaan-perbezaan dalam individu yang menghasilkan tahap dan jenis penghargaan sendiri yang tertentu? Walau bagaimanapun, kepentingan penghargaan sendiri sememangnya tidak dapat dinafikan kerana dengan adanya penghargaan sendiri yang tinggi dalam diri seseorang, peningkatan ke arah kehidupan yang berjaya akan dapat dicapai. Ini bersesuaian dengan konsep ramatan penyempurnaan sendiri (*self-fulfilling prophecy*), yang membawa makna seseorang itu akan bertindak selari dengan pendapat tentang dirinya, dan seterusnya mengiakan dan mengukuhkan pendapat tersebut.

## Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian diskriptif menggunakan kaedah tinjauan yang dijalankan bagi melihat perkaitan antara amalan keibubapaan menurut persepsi anak terhadap penghargaan sendiri mereka. Antara persoalan kajian termasuk untuk melihat bagaimanakah persepsi anak terhadap amalan keibubapaan, apakah pengaruh tingkah laku keibubapaan yang menyumbang kepada penghargaan sendiri mereka dan adakah wujud pengaruh tingkah laku keibubapaan terhadap penghargaan sendiri pelajar tersebut mengikut faktor jantina.

## Populasi dan Sampel

Kajian difokuskan kepada pelajar-pelajar tahun satu dan dua dari Fakulti Pendidikan dan Fakulti Sains (Program Sains serta Pendidikan) Universiti Teknologi. Pelajar ini dipilih kerana mereka berada di peringkat permulaan awal dewasa (umur di antara 18-20 tahun) yang menjadi fokus kajian ini dan mereka juga masih dalam proses menyesuaikan diri di universiti. Keseluruhannya seramai 487 orang pelajar menjadi subjek kajian yang dipilih secara rawak. Mereka merangkumi pelajar-pelajar lelaki dan perempuan dari keturunan Melayu (69%), Cina (27.7%), India (1.6%) dan lain-lain (1.6%).

## Instrumen

Data diambil menggunakan soal selidik. Soal selidik terdiri daripada tiga bahagian A, B dan C untuk melihat aspek sampel demografi; persepsi mereka terhadap amalan keibubapaan ibu bapa mereka dan tahap penghargaan sendiri sampel.

### Aspek Demografi

Beberapa soalan tentang biografi pelajar di Bahagian A soal selidik merangkumi soalan tentang jantina, umur, bangsa, fakulti, kursus pengajian, tahap pendidikan ibu bapa dan penjaga. Bahagian ini juga digunakan untuk mengenal pasti jenis keluarga pelajar iaitu sama ada keluarga asal (ibu bapa sebenar), ibu atau bapa tunggal ataupun keluarga yang telah dibentuk semula (mempunyai ibu atau bapa tiri).

### Persepsi tentang Amalan Keibubapaan

Alat yang digunakan untuk mengukur persepsi tentang amalan keibubapaan ini menggunakan Skala Keibubapaan yang dibina oleh Steinberg dan rakan-rakan (1995). Bahagian B soal selidik mengandungi item-item berkaitan pembolehubah tentang penglibatan ibu bapa, pemberian autonomi psikoloji dan pembolehubah ketegasan dan penyeliaan. Pembolehubah penglibatan mengukur kadar persepsi anak bahawa ibu bapa mereka adalah penyayang dan melibatkan diri dalam perihal anak. Pembolehubah pemberian autonomi psikologi menilai sejauh mana ibu bapa bertindak secara demokrasi dalam mendisplinkan anak dan menggalakkan anak melahirkan sifat-sifat dirinya di dalam lingkungan keluarga. Pembolehubah tentang ketegasan dan penyeliaan pula menilai pemerhatian dan kawalan ibu bapa. Ketiga-tiga pembolehubah ini merupakan pembolehubah tidak bersandar.

### Penghargaan Kendiri

Penghargaan sendiri diukur menggunakan Inventori Penghargaan Kendiri Bebas Budaya bagi Kanak-Kanak dan Orang Dewasa (edisi kedua) ataupun *Culture-Free Self-Esteem Inventories for Children dan Adults* (CFSEI-2) yang dibina oleh Battle (1992). Setiap item adalah dalam format ya/tidak dan setiap jawapan responden dijumlahkan untuk mendapatkan markat bagi penghargaan sendiri secara keseluruhan ataupun mengikut sub-skala. Penghargaan sendiri secara keseluruhan (iaitu sub-skala umum, sosial dan peribadi) digunakan sebagai pembolehubah bersandar.

### Keputusan dan Analisis

Beberapa kaedah analisis digunakan untuk melihat persepsi responden terhadap amalan keibubapaan oleh ibubapa atau penjaga mereka iaitu kaedah perbandingan nilai min, pengkelasan berdasarkan kategori tahap dan jenis amalan keibubapaan berdasarkan model Maccoby dan Martin (1983).

### Perbandingan Nilai Min.

Nilai min bagi setiap pembolehubah tentang persepsi terhadap amalan keibubapaan telah dicari dan keputusannya adalah seperti berikut.

Pembolehubah	Min	Sisihan Piawai	Julat Pembolehubah
Penglibatan	29.72	3.86	9-36
Pemberian Autonomi	24.74	3.36	9-36
Ketegasan & Penyeliaan	17.87	2.83	8-24

**Jadual 1:** Nilai min pembolehubah-pembolehubah dalam amalan keibubapaan.

Jadual 1 menunjukkan nilai min bagi *penglibatan* adalah lebih tinggi berbanding nilai min *pemberian autonomi*. Walau bagaimanapun perbandingan tidak boleh dilakukan untuk pembolehubah *ketegasan dan penyeliaan* memandangkan ia berasaskan julat yang berbeza. Akan tetapi, nilai min bagi *ketegasan dan penyeliaan* adalah lebih tinggi daripada nilai pertengahan antara julat.

### Kategori Tahap Pembolehubah

Bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang persepsi remaja tentang amalan keibubapaan ibu bapa mereka, pengkaji telah turut mengelaskan jawapan responden berdasarkan kategori rendah, sederhana dan tinggi bagi setiap pembolehubah (Jadual 2).

Pembolehubah	Tahap	Kekerapan	Peratusan
Penglibatan	Rendah (9-17)	2	4%
	Sederhana (18-27)	134	27.5%
	Tinggi (28-36)	345	70.8%
Pemberian Autonomi	Rendah (9-17)	7	1.4%
	Sederhana (18-27)	385	79.1%
	Tinggi (28-36)	91	18.7%
Ketegasan dan Penyeliaan	Rendah (8-13)	34	7%
	Sederhana (14-19)	216	44.4%
	Tinggi (20-24)	232	47.6%

**Jadual 2:** Kekerapan dan peratusan bagi tahap rendah, sederhana dan tinggi setiap pembolehubah amalan keibubapaan.

Berdasarkan jadual 2, majoriti responden (70.8%) mempunyai anggapan yang ibu bapa mereka mempunyai tahap *penglibatan* yang tinggi, akan tetapi bagi aspek *pemberian autonomi*, kebanyakan responden (79.1%) menyatakan ibu bapa mereka berada pada tahap sederhana. Daripada aspek *ketegasan dan penyeliaan* ibu bapa pula, 44.4% berada pada tahap sederhana dan 47.6% pada tahap tinggi. Hanya 7% responden yang menyatakan tahap *ketegasan dan penyeliaan* ibu bapa mereka rendah.

### Jenis Amalan Keibubapaan Berasaskan Model Maccoby & Martin.

Model Macoby dan Martin mengambil kira faktor penglibatan dan kawalan ibu bapa. Model ini membolehkan pembahagian kepada jenis-jenis amalan keibubapaan kepada jenis autoritatif (penglibatan dan kawalan tinggi); autoritarian (penglibatan rendah dan kawalan

tinggi); permisif (penglibatan tinggi dan kawalan rendah); dan pengabai (penglibatan dan kawalan rendah). Kaedah silang tabulasi (cross tabulation) telah digunakan antara faktor *penglibatan* dan *ketegasan dan penyeliaan* (Jadual 3) dan *penglibatan* dan *pemberian autonomi* (Jadual 4), dan tahap rendah dan tinggi sahaja digunakan sebagai penentu jenis keibubapaan.

Ketegasan dan Penyeliaan	Penglibatan		
	Rendah	Sederhana	Tinggi
Rendah	2 (pengabai)	24	8 (permisif)
Sederhana	0	71	145
Tinggi	2 (autoritarian)	38	185 (autoritatif)

**Jadual 3:** Silang tabulasi antara penglibatan dan ketegasan dan penyeliaan.

Pemberian Autonomi	Penglibatan		
	Rendah	Sederhana	Tinggi
Rendah	0 (pengabai)	1	6 (permisif)
Sederhana	0	110	269
Tinggi	2 (autoritarian)	22	67 (autoritatif)

**Jadual 4:** Silang tabulasi antara penglibatan dan pemberian autonomi.

Keputusan menunjukkan jumlah tertinggi bagi jenis amalan keibubapaan berdasarkan kedua-dua jadual di atas ialah jenis autoritatif.

### Perbezaan Jantina

Satu ujian telah turut dilakukan untuk melihat perbezaan antara persepsi responden lelaki dan perempuan terhadap amalan keibubapaan penjaga mereka. Bagi tujuan ini, nilai min bagi setiap aspek keibubapaan dicari bagi lelaki dan perempuan.

Berdasarkan jadual 5, didapati persepsi responden perempuan lebih tinggi berbanding lelaki pada kesemua aspek amalan keibubapaan. Walaubagaimanapun, perbezaan nilai min bagi aspek penglibatan dan pemberian autonomi tidak begitu ketara.

Aspek amalan keibubapaan	Min	Sisihan piawai
<i>Penglibatan</i>		
Lelaki	29.39	4.19
Perempuan	29.88	3.70
<i>Pemberian autonomi</i>		
Lelaki	24.38	3.72
Perempuan	24.91	3.17
<i>Ketegasan dan penyeliaan</i>		
Lelaki	16.45	2.95
Perempuan	18.50	2.53

**Jadual 5:** Nilai min dan sisihan piawai bagi setiap aspek amalan keibubapaan lelaki dan perempuan.

Ujian Mann-Whitney dilakukan untuk melihat perbezaan dari aspek penglibatan kerana didapati taburan aspek ini adalah tidak normal. Dapatan menunjukkan perbezaan yang signifikan bagi aspek *pemberian autonomi* dan *ketegasan dan penyeliaan*. Nilai  $t = 1.61$ ,  $df = 481$ , dua hujung sig  $<0.05$  didapati bagi aspek *pemberian autonomi* dan  $t = 7.80$ ,  $df = 480$ , dua hujung sig  $<0.01$  pula didapati bagi aspek *ketegasan dan penyeliaan*. Ujian perbezaan nilai median (Mann-Whitney) yang telah dilakukan untuk melihat perbezaan dari aspek *penglibatan* telah tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan ( $U = 23625$ ,  $W = 35101$ ,  $p > 0.05$ ). Ini bererti, persepsi responden lelaki dan perempuan terhadap tahap penglibatan ibu bapa atau penjaga mereka adalah sama.

### Tahap Penghargaan Kendiri Pelajar Peringkat Awal Dewasa

Nilai min bagi tahap penghargaan sendiri responden adalah 19.38 (julat =1 hingga 34). Markat penghargaan sendiri telah dikelaskan kepada tiga tahap, iaitu rendah (1-11), sederhana (12-23) dan tinggi (24-34) seperti dalam jadual 6.

Tahap Penghargaan Kendiri	Kekerapan	Peratusan
Rendah	60	12.6%
Sederhana	250	52.6%
Tinggi	165	34.7%

**Jadual 6:** Tahap penghargaan sendiri mengikut pengkelasan.

Daripada jadual di atas, kita boleh melihat bahawa peratusan tertinggi tahap penghargaan sendiri responden adalah pada tahap sederhana, iaitu sebanyak 52.6%. Sejumlah 34.7% responden mempunyai tahap penghargaan sendiri yang tinggi dan 12.6% mempunyai tahap penghargaan sendiri yang rendah.

Perbezaan jantina pada tahap penghargaan sendiri telah juga dianalisis. Nilai min bagi penghargaan sendiri lelaki dan perempuan telah dicari, dan dapatannya boleh dilihat dalam jadual 7.

Jantina	Min	Sisihan Piawai
Lelaki	18.63	59.7
Perempuan	19.73	6.28

**Jadual 7:** Nilai min dan sisihan piawai bagi penghargaan sendiri lelaki dan perempuan.

Daripada nilai min ini, didapati penghargaan sendiri responden perempuan adalah lebih tinggi berbanding lelaki. Bagaimanapun, untuk menentukan sama ada nilai ini signifikan atau tidak, ujian menggunakan kaedah sekali telah dilakukan. Dapatan ujian menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan ( $t = 1.80$ ,  $df = 476$ , dua hujung sig .07) di antara keduanya. Ini bermakna penghargaan sendiri responden lelaki dan perempuan adalah tidak berbeza.

### **Pengaruh Tingkah Laku Keibubapaan terhadap Penghargaan Kendiri Pelajar Peringkat Awal Dewasa.**

Ujian regrasi berganda digunakan untuk menjawab persoalan ini bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang pengaruh setiap pembolehubah keibubapaan terhadap penghargaan sendiri anak mereka. Beberapa pembolehubah keibubapaan demografi telah dikawal dalam pengiraan, iaitu jenis sekolah, jantina dan bangsa memandangkan kepelbagaian bagi pembolehubah ini mungkin mempengaruhi keputusan ujian.

Hasil ujian mendapati nilai R berganda = 0.316,  $F = 8.394$  ( $p < 0.01$ ). Ini membawa maksud, pembolehubah terkawal dan pembolehubah amalan keibubapaan meramal sebanyak 3.2% bagi penghargaan sendiri pelajar peringkat awal dewasa (lelaki dan perempuan), dan ujian regrasi berganda ini adalah signifikan.

Pembolehubah demografi yang terkawal didapati tidak menyumbang secara signifikan kepada nilai penghargaan sendiri. Nilai-nilai peramal bagi setiap pembolehubah amalan keibubapaan adalah seperti dalam jadual 8.

Pembolehubah	B	Ralat Piawai	Beta
Penglibatan	0.42**	0.08	0.27
Ketegasan dan Penyeliaan	-0.006	0.11	-0.03
Pemberian autonomi	0.30**	0.083	0.16

\*\* $p < 0.001$

**Jadual 8:** Nilai B, ralat piawai (std.error) dan Beta bagi setiap pembolehubah tingkahlaku keibubapaan.

Jadual di atas menunjukkan hanya aspek penglibatan dan pemberian autonomi merupakan peramal yang signifikan kepada penghargaan sendiri responden. Kedua-dua nilai beta adalah positif, iaitu 0.27 bagi *penglibatan* dan 0.16 bagi *pemberian autonomi*.

### **Perbezaan Jantina dalam Pengaruh Tingkahlaku Keibubapaan terhadap Penghargaan Kendiri**

Ujian yang sama iaitu regrasi berganda dilakukan secara berasingan bagi responden lelaki dan perempuan dengan menggunakan kaedah 'split file' (pemisahan fail). Terdapat dua

pembolehubah demografi yang dikawal iaitu jenis sekolah dan bangsa. Hasil ujian menunjukkan nilai R berganda iaitu 0.41 bagi ujian ke atas responden lelaki dan 0.30 bagi ujian ke atas responden perempuan dengan nilai signifikan masing-masing ( $F = 6.26, p < 0.01$  dan  $F = 5.48, p < 0.01$ ). Dalam erti kata lain, pembolehubah yang dikawal bersama dengan pembolehubah amalan keibubapaan menyumbang ataupun boleh meramal sebanyak 4% bagi penghargaan sendiri lelaki dan 3% bagi penghargaan sendiri perempuan, dan kedua-dua nilai ini adalah signifikan. Kesemua pembolehubah terkawal kecuali jenis sekolah bagi responden perempuan tidak memberi sumbangan yang signifikan kepada penghargaan sendiri pelajar.

Pengaruh setiap pembolehubah amalan keibubapaan terhadap penghargaan sendiri bagi lelaki dan perempuan adalah seperti berikut:

Pembolehubah	B	Ralat Piawai	Beta
<i>(Lelaki)</i>			
Penglibatan	0.56**	0.12	0.41
Ketegasan dan Penyeliaan	-0.21	0.17	-0.11
Pemberian autonomi	0.29*	0.13	0.18
<i>(Perempuan)</i>			
Penglibatan	0.32**	0.10	0.19
Ketegasan dan Penyeliaan	0.008*	0.15	0.03
Pemberian autonomi	0.30*	0.11	0.15

\* $p < 0.05$ , \*\* $p < 0.01$

**Jadual 9:** Nilai B, ralat piawai dan beta bagi setiap pembolehubah keibubapan bagi lelaki dan perempuan.

Walau bagaimanapun terdapat perbezaan dalam nilai Beta bagi setiap pembolehubah antara lelaki dan perempuan. Sekali lagi didapati pembolehubah yang signifikan dalam meramal penghargaan sendiri awal dewasa sama ada lelaki ataupun perempuan ialah *penglibatan* dan *pemberian autonomi*. Penghargaan sendiri responden lelaki didapati lebih dipengaruhi oleh persepsi mereka terhadap penglibatan ibu bapa. Perubahan satu nilai sisihan piawai bagi *penglibatan* akan menyebabkan perubahan 0.41 mata kepada penghargaan sendiri lelaki manakala ia membawa perubahan 0.19 mata kepada penghargaan sendiri responden perempuan. Perbezaan bagi aspek *pemberian autonomi* pula tidak begitu ketara. Perubahan satu nilai sisihan piawai akan membawa perubahan sebanyak 0.18 dan 0.15 mata bagi perempuan. Aspek *ketegasan dan penyeliaan* didapati tidak signifikan bagi kedua-dua kes.

## Perbincangan

Daripada nilai min bagi setiap aspek tingkahlaku keibubapaan, kesemua nilai min adalah melebihi titik tengah bagi julat markat. Gambaran yang lebih jelas kelihatan apabila markat dikategorikan kepada tiga kategori iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Melalui kaedah ini, majoriti pelajar peringkat awal dewasa didapati mempunyai persepsi bahawa ibu bapa ataupun penjaga utama mereka mempunyai tahap penglibatan yang tinggi dalam perihal anak dan bersifat sederhana dalam pemberian autonomi. Tahap ketegasan dan penyeliaan ibu bapa pula dikatakan pada tahap sederhana dan tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa sememangnya wujud perbezaan walau dalam persepsi sendiri tentang aspek-aspek kawalan iaitu ketegasan dan penyeliaan dan pemberian autonomi. Dapatan ini juga menunjukkan

kepentingan mengenalpasti dan menyatakan aspek-aspek yang dikaji berkaitan kawalan dan bukannya hanya menggunakan istilah kawalan secara umum sebagai pembolehubah.

Persepsi responden lelaki dan perempuan tentang tahap penglibatan ibu bapa dalam perihal anak mereka tidak berbeza, tetapi pelajar perempuan menyatakan ibu bapa mereka lebih tegas dan menyelia mereka pada tahap yang lebih tinggi berbanding lelaki. Dari aspek pemberian autonomi pula, pelajar perempuan menyatakan mereka diberi autonomi yang lebih berbanding lelaki. Persepsi sebegini mungkin terjadi disebabkan pengaruh budaya. Masyarakat timur khususnya di Malaysia sangat mementingkan maruah dan agama. Anak-anak perempuan biasanya lebih diawasi berbanding anak-anak lelaki disebabkan ibu bapa bimbang akan keterlibatan anak-anak perempuan dalam perkara-perkara yang tidak sesuai dengan ajaran agama dan adat-adat ketimuran. Autonomi pula biasanya lebih diberikan kepada anak-anak perempuan disebabkan sifat mereka yang biasanya lebih bertanggungjawab berbanding lelaki. Disebabkan kepercayaan ini, kebebasan yang lebih diberikan kepada mereka dalam membuat keputusan dan pilihan.

Berkaitan dengan tahap penghargaan sendiri pula, kebanyakan pelajar peringkat awal dewasa (52.6%) mempunyai tahap penghargaan sendiri yang sederhana dan hanya 34.7% sahaja pada tahap yang tinggi, manakala selebihnya (12.6%) berada pada tahap yang rendah. Tiada perbezaan yang signifikan dilihat antara lelaki dan perempuan. Berdasarkan peratusan ini, tidak ramai dikalangan mereka yang mempunyai tahap penghargaan sendiri yang tinggi. Kemungkinan keadaan tahap penghargaan sendiri pelajar ini dipengaruhi oleh masalah-masalah penyelesaian dengan persekitaran memandangkan mereka masih lagi baru (tahun satu dan dua) di universiti.

Analisis regresi berganda yang dilakukan untuk melihat pengaruh persepsi tentang amalan keibubapaan terhadap penghargaan sendiri anak telah menunjukkan pengaruh yang positif dan signifikan bagi aspek penglibatan ibu bapa. Dapatan ini selari dengan majoriti kajian ke atas remaja seperti kajian oleh Scott-Jones (1991) dan Halpin *et.al.* (1980). Responden lelaki didapati lebih dipengaruhi oleh aspek penglibatan ini berbanding perempuan dan hasil kajian ini serupa dengan hasil kajian Kawash, Kerr dan Clewes (1985). Mereka mendapati nilai  $r$  bagi kaitan antara penghargaan sendiri lelaki dengan penglibatan ibu bapa lebih tinggi berbanding perempuan. Walaupun kajian mereka ini telah dilakukan ke atas sampel remaja yang berumur antara 10-11 tahun, tiada perbezaan ketara dilihat antara awal remaja dengan awal dewasa dari aspek yang berkaitan.

Persepsi tentang pemberian autonomi juga didapati positif dan signifikan dalam sumbangannya kepada penghargaan sendiri anak. Lelaki juga telah didapati lebih dipengaruhi oleh aspek ini berbanding perempuan, tetapi nilai perbezaan itu tidaklah begitu besar. Penghargaan sendiri kedua-duanya, iaitu lelaki dan perempuan dipengaruhi secara positif oleh anggapan yang ibu bapa mereka memberikan kuasa autonomi kepada mereka.

Daripada dapatan ini, boleh dikatakan bahawa walaupun anak yang sedang memasuki alam dewasa ini memerlukan kebebasan, mereka perlu merasakan diri mereka disayangi dan diambil berat oleh ibu bapa mereka. Akan tetapi, pada masa yang sama mereka ingin ibu bapa mereka meletakkan kepercayaan terhadap mereka dengan memberi peluang kepada mereka untuk berdikari dan membuat sesuatu perkara atau keputusan yang berkaitan dengan diri mereka sendiri. Ini bertepatan sekali dengan sifat dan ciri-ciri awal dewasa. Mereka perlu memisahkan diri daripada ibu bapa di atas desakan perkembangan untuk berdikari, tetapi mereka bukannya ingin ibu bapa memisahkan dan menyisahkan mereka (Lemme, 1995).

Aspek ketegasan dan penyeliaan pula tidak menyumbang kepada penghargaan sendiri secara signifikan. Walau bagaimanapun nilai yang didapati adalah negatif. Ini boleh membawa maksud ketegasan dan penyeliaan yang tinggi akan menghindar penghargaan sendiri yang tinggi. Akan tetapi ini tidak dapat dibuktikan. Dapatan seperti ini sekali lagi menyokong hujah kajian ini bahawa aspek kawalan yang dilihat adalah penting dalam menentukan corak

hubungannya dengan penghargaan sendiri anak. Kajian lalu ada menunjukkan bahawa aspek ketegasan dan penyeliaan mempengaruhi penghargaan sendiri anak secara positif tetapi dapatan ini adalah berdasarkan sampel kanak-kanak. Pada peringkat awal dewasa, persepsi yang serupa tidak lagi membawa pengaruh yang sama sebagaimana yang telah dapat ditunjukkan dalam kajian ini.

Kemungkinan besar, ini juga disebabkan oleh ciri dan sifat awal dewasa yang inginkan kebebasan dan kepercayaan daripada ibu bapa. Pertanyaan tentang aktiviti dan rakan mereka mungkin tidak lagi dilihat sebagai tindakan ibubapa mengambil berat tentang diri mereka, tetapi sebaliknya sebagai tindakan yang menunjukkan ketidakpercayaan terhadap anak mereka sendiri. Cara ibu bapa mengawal terutama dari aspek ketegasan dan penyeliaan sangat mempengaruhi persepsi anak. Ketegasan tidak bermaksud garang dan penyeliaan pula tidak bermaksud tidak mempercayai anak. Perkaitan-perkaitan ini dalam amalan keibubapaanlah yang menyebabkan anak berpandangan negatif terhadap ketegasan dan penyeliaan ibubapa.

## KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan persepsi anak terhadap cara ibu bapa mereka melayani dan mengawal mereka memberi pengaruh terhadap penghargaan sendiri seseorang awal remaja. Penghargaan sendiri seseorang sangat penting bagi membina diri insan yang yakin pada dirinya di mana ia dapat menunjukkan potensi diri yang sebenar, sihat secara psikologikal dan seterusnya berjaya dalam hidup. Oleh yang demikian, ibu bapa khususnya perlu menyedari tentang hakikat kepentingan menjaga dan menolong meningkatkan penghargaan sendiri anak mereka, dan cara yang terbaik adalah dari segi pengawalan anak.

Walaupun kajian ini mengkaji tentang persepsi anak dan tidak semestinya sama dengan amalan sebenar ibu bapa, ibu bapa harus sedar, persepsi anak sangat bergantung kepada cara dan tindakan ibu bapanya. Seorang anak tidak akan mengatakan ibu bapanya menyayanginya sekiranya dia selalu tidak dihiraukan dan dihukum atas sebab yang tidak boleh diterima. Adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk menunjukkan kasih sayang sejati kepada anak mereka. Seorang anak boleh mengetahui sama ada ibu bapa mereka benar-benar mengambil berat tentang diri mereka atau pun sebaliknya.

Pada peringkat awal dewasa khususnya, anak perlu diberikan kepercayaan, iaitu dengan memberikan autonomi kepada mereka untuk membuat keputusan terutamanya tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan diri dan masa depan mereka. Ibu bapa harus menyedari bahawa anak mereka bukan lagi kanak-kanak yang sentiasa perlu dipimpin dan ditunjukkan jalan, tetapi mereka sedang memasuki alam dewasa yang penuh dengan cabaran-cabaran baru dan seseorang itu perlu berdikari untuk berjaya dalam menempuhnya. Namun ini tidak bererti ibu bapa boleh lepas tangan dan membiarkan anak-anak mereka. Kawalan dan penyeliaan juga penting tetapi harus kena dengan caranya, iaitu cara yang menyebabkan anak rasa tidak tertekan dan boleh dipercayai.

## BIBLIOGRAFI

- A. Halpin, G. Glennelle & F. Gerald, *The relationship of perceived parental behaviors to locus of control and self-esteem among American Indian and White children*, Journal of Social Psychology, 111, 1980, 189-195.

- A.H. Rice, *Brief structured group treatment of depression: a research report*, The Group Circle, 8, 1998, 110-118.
- A. Leondari, E. Syngollitou & G. Kosseoglou, *Academic achievement, motivation and future selves*, Educational Studies, 24 (2), 1998, 153-163.
- B.H. Lemme, *Development in Adulthood*, Allyn and Bacon, Boston, 1995.
- D. Baumrind, *The influence of parenting style on adolescent competence and substance use*, Journal of Early Adolescence, 11, 1991, 56-95.
- D. Scott-Jones, *Adolescent childbearing: risks and resilience* [special edition]. In L.F. Winfield (Ed.), *Resilience, Schooling, and Development in African-American Youth Education and Urban Society*, 24, 1991, 53-64.
- F.G. Kawash, *et.al.*, *Self-esteem in children as a function of perceived parental behaviour*, The Journal of Psychology, 119 (3), 1985, 235-242.
- I. Newbegin & A. Owens, *Self-esteem and anxiety in secondary school achievement*, Journal of Social Behaviour & Personality, 11 (3), 1996, 521-530.
- M. Brendgen & F. Vitaro *et.al.*, *Affiliation with delinquent friends: Contributions of parents, self-esteem and delinquent behaviour*, Journal of Early Adolescence, 18 (3), 1998, 244-265.
- P.H. Berne, & L.M. Savary, *Building Self-Esteem in Children*, The Continuum Publishing Company, New York, 1985.
- R.H. Hoyle & S.S. Leff, *The role of parental involvement in youth sport participation and performance*, Adolescence, 32 (125), 1997, 11.
- R.M. Berns, *Child, Family, Community, Socialization and Support*, Harcourt Brace College Publishers, Fort Worth, 1993.
- R.P. Philipchalk, *Invitation to Social Psychology*, Harcourt Brace College Publishers, Fort Worth, 1995.
- S. Coopersmith, *The antecedents of self-esteem*, Freeman, San Francisco, 1967.
- S.J. Jang & T.P. Thornberry, *Self-esteem, delinquent peers, and delinquency: a test of the self-enhancement thesis*, American Sociological Review, 63, 1998, 586-598.
- T. White, *Is a happy teenager a healthy teenager? Four levels of adolescent anger*, Transactional Analysis Journal, 27 (3) 1997, 192-196.
- V. Gecas, *Parental behaviour and dimensions of adolescent self-evaluation*, Sociometry, 34 (4), 1971, 466-482.
- V. Gecas & L.M. Schwable, *Parental behaviour and adolescent self-esteem*, Journal of Marriage and the Family, 48, 1986, 37-46.